



30 Jun 2020  
30 June 2020  
P.U. (A) 196

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN CUKAI JUALAN  
(PINDAAN) 2020

*SALES TAX (AMENDMENT) REGULATIONS 2020*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI JUALAN 2018

PERATURAN-PERATURAN CUKAI JUALAN (PINDAAN) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 106 Akta Cukai Jualan 2018 [Akta 806], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Cukai Jualan (Pindaan) 2020**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2020.

**Bahagian IXA baharu**

2. Peraturan-Peraturan Cukai Jualan 2018 (*P.U. (A) 203/2018*) dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian IX bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN IXA

SKIM PENGEKSPORT UTAMA DILULUSKAN

**Tafsiran**

**26A.** Dalam Bahagian ini, “orang diluluskan” ertinya mana-mana pedagang atau pengilang yang diberikan kelulusan oleh Ketua Pengarah di bawah Skim Pengeksport Utama Diluluskan di bawah seksyen 61A Akta dan suatu sebutan tentang “Skim” adalah sebutan tentang Skim itu.

**Permohonan bagi kelulusan**

26B. (1) Mana-mana orang adalah layak untuk membuat suatu permohonan kepada Ketua Pengarah untuk diluluskan di bawah seksyen 61A Akta jika orang itu memuaskan hati Ketua Pengarah—

- (a) dalam hal orang itu seorang pedagang:
- (i) bahawa orang itu telah beroperasi di Malaysia sekurang-kurangnya satu tahun;
  - (ii) bahawa pada masa permohonan dibuat, nilai jualan tahunan orang itu bagi barang bercukai adalah melebihi sepuluh juta ringgit; dan
  - (iii) bahawa sekurang-kurangnya lapan puluh peratus daripada nilai jualan tahunan orang itu bagi barang bercukai yang disebut dalam subperenggan (ii) adalah jualan yang dieksport atau diangkut ke kawasan ditetapkan atau kawasan khas;
- (b) dalam hal orang itu seorang pengilang:
- (i) bahawa orang itu telah beroperasi di Malaysia sekurang-kurangnya satu tahun;
  - (ii) bahawa pada masa permohonan dibuat, nilai jualan tahunan orang itu bagi barang dikilangkan yang dikecualikan daripada cukai jualan adalah melebihi sepuluh juta ringgit; dan
  - (iii) bahawa sekurang-kurangnya lapan puluh peratus daripada nilai jualan tahunan orang itu bagi barang dikilangkan yang dikecualikan daripada cukai jualan yang disebut dalam subperenggan (ii) adalah jualan yang dieksport atau diangkut ke kawasan ditetapkan atau kawasan khas;
- (c) dalam hal orang itu seorang pedagang dan juga pengilang, bahawa orang itu memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan dalam perenggan (a) atau (b), mengikut mana-mana yang berkenaan; atau
- (d) bahawa orang itu seorang yang ditentukan oleh Menteri.

(2) Tiap-tiap permohonan untuk kelulusan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat dalam bentuk dan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Ketua Pengarah boleh menolak apa-apa permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1) jika difikirkan patut oleh Ketua Pengarah bagi perlindungan hasil.

(4) Mana-mana orang yang telah diluluskan di bawah subperaturan (1) hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

- (a) orang itu hendaklah mengisytiharkan apa-apa pengimportan, pengangkutan dan pengeksportan barang dalam borang yang ditetapkan di bawah Akta Kastam 1967 atau apa-apa dokumen sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;
- (b) orang itu hendaklah menyimpan rekod atau akaun yang lengkap dan benar berhubung dengan barang yang diimport, diangkut, dibeli, dieksport dan dijual di bawah Skim;
- (c) orang itu hendaklah menyenggara sistem perakaunan dan kawalan dalaman yang berupaya memenuhi standard perakaunan dan pengauditan;
- (d) orang itu hendaklah memberitahu melalui notis secara bertulis kepada Ketua Pengarah tentang apa-apa perubahan pada butir-butir perniagaan orang itu dalam tempoh empat belas hari selepas berlakunya perubahan itu;
- (e) orang itu hendaklah menyediakan penyata berhubung dengan Skim mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dan mengemukakan penyata itu untuk pemeriksaan sebagaimana yang dikehendaki oleh pegawai kanan cukai jualan pada bila-bila masa; dan

- (f) apa-apa syarat lain sebagaimana yang difikirkan patut dikenakan oleh Ketua Pengarah.

**Tempoh sah kelulusan**

26C. (1) Kelulusan yang diberikan di bawah Skim adalah sah untuk tempoh dua tahun atau apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Suatu permohonan bagi pembaharuan tempoh kelulusan boleh dibuat dalam bentuk dan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dalam tempoh tiga puluh hari sebelum tarikh tamat kelulusan itu.

(3) Ketua Pengarah boleh menolak untuk membaharui suatu kelulusan jika orang diluluskan itu gagal mematuhi mana-mana syarat yang ditetapkan dalam subperaturan 26B(4).

**Pengecualian daripada pembayaran cukai jualan**

26D. (1) Mana-mana orang diluluskan dibenarkan untuk dikecualikan daripada pembayaran cukai jualan ke atas barang bercukai yang diimport atau diangkut dari kawasan ditetapkan atau kawasan khas, atau dibeli atau diperolehi daripada pengilang berdaftar.

(2) Pengecualian di bawah subperaturan (1) adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

(a) dalam hal orang diluluskan itu seorang pedagang:

(i) bahawa barang bercukai itu diimport atau diangkut secara langsung oleh pedagang itu dari kawasan ditetapkan atau kawasan khas atau dibeli atau diperolehi oleh pedagang itu daripada pengilang berdaftar;

(ii) bahawa barang bercukai itu tidak digunakan atau dilakukan apa-apa proses nilai tambah kepadanya;

- (iii) bahawa barang bercukai itu kemudiannya dieksport atau diangkut ke kawasan ditetapkan atau kawasan khas oleh pedagang itu; dan
  - (iv) bahawa barang bercukai itu tidak dilupuskan selain mengikut cara pemusnahan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah, tidak dijual di dalam negara atau tidak diakaunkan melainkan jika cukai jualan yang dikecualikan ke atas barang bercukai itu dibayar kepada Ketua Pengarah;
- (b) dalam hal orang diluluskan itu seorang pengilang:
- (i) bahawa bahan mentah, komponen, dan bahan bungkusan dan pembungkusan diimport atau diangkut oleh pengilang itu secara langsung dari kawasan ditetapkan atau kawasan khas atau dibeli atau diperoleh oleh pengilang itu daripada pengilang berdaftar;
  - (ii) bahawa bahan mentah, komponen, dan bahan bungkusan dan pembungkusan hendaklah digunakan secara terus dan semata-mata dalam pengilangan barang yang dikecualikan daripada cukai jualan;
  - (iii) bahawa barang dikilangkan yang dikecualikan daripada cukai jualan itu hendaklah dieksport atau diangkut ke kawasan ditetapkan atau kawasan khas oleh pengilang itu;
  - (iv) bahawa bahan mentah, komponen, dan bahan bungkusan dan pembungkusan tidak dilupuskan selain mengikut cara pemusnahan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah, dan tidak digunakan selain bagi maksud pengilangan barang yang dikecualikan daripada cukai jualan, barang yang tidak dijual di dalam negara atau barang yang tidak diakaunkan, melainkan jika cukai jualan yang dikecualikan ke atas barang itu dibayar kepada Ketua Pengarah; dan

- (v) bahawa barang dikilangkan yang dikecualikan daripada cukai jualan itu tidak dilupuskan selain mengikut cara pemusnahan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah, tidak dijual di dalam negara atau tidak diakaunkan melainkan jika cukai jualan yang dikecualikan ke atas bahan mentah, komponen, dan bahan bungkusan dan pembungkusan yang digunakan dalam barang dikilangkan yang dikecualikan daripada cukai jualan itu dibayar kepada Ketua Pengarah; atau
- (c) dalam hal orang diluluskan itu seorang pedagang dan juga pengilang:
  - (i) bahawa orang diluluskan itu hendaklah mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan bagi pedagang dalam subperenggan 2(a)(i) hingga (iv); dan
  - (ii) bahawa orang diluluskan itu hendaklah mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan bagi pengilang dalam subperenggan 2(b)(i) hingga (v).

**Barang yang tidak layak bagi pengecualian daripada pembayaran cukai jualan**

26E. Barang yang berikut tidak layak untuk pengecualian daripada pembayaran cukai jualan di bawah peraturan 26D:

- (a) wain, spirit, bir dan minuman keras malta;
- (b) rokok, tembakau dan hasil tembakau; dan
- (c) petroleum.

**Perubahan, penggantung dan pembatalan kelulusan**

26F. (1) Ketua Pengarah boleh, melalui notis secara bertulis, mengubah syarat atau menggantung atau membatalkan mana-mana kelulusan yang diberikan di bawah peraturan 26B jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa orang diluluskan itu—

- (a) telah mengemukakan apa-apa maklumat yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat dalam permohonannya, atau dalam rekod, akaun atau penyata yang dikemukakan olehnya;
- (b) telah, pada bila-bila masa, terhenti daripada memenuhi mana-mana syarat kelayakan dalam subperaturan 26B(1);
- (c) telah gagal mematuhi mana-mana syarat yang ditetapkan dalam subperaturan 26B(4); atau
- (d) telah gagal membaharui tempoh kelulusan.

(2) Ketua Pengarah boleh, melalui notis secara bertulis, mengubah syarat atau membatalkan mana-mana kelulusan yang diberikan di bawah peraturan 26B apabila terdapat permintaan secara bertulis dari orang diluluskan.

(3) Walau apa pun subperaturan (1) dan (2), Ketua Pengarah boleh melalui notis secara bertulis, mengubah syarat atau membatalkan mana-mana kelulusan yang diberikan di bawah peraturan 26B jika difikirkan patut oleh Ketua Pengarah bagi perlindungan hasil.

### **Cukai jualan genap masa dan kena dibayar**

26G. (1) Jika orang diluluskan tidak mematuhi mana-mana syarat yang ditetapkan dalam subperaturan 26D(2), cukai jualan yang dikecualikan baginya hendaklah menjadi genap masa dan kena dibayar dan hendaklah dibayar mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Cukai jualan yang kena dibayar di bawah subperaturan (1) hendaklah menjadi genap masa dan kena dibayar seperti yang berikut:

- (a) dalam hal orang diluluskan itu seorang pedagang, pada tarikh barang bercukai itu dilupuskan selain mengikut cara pemusnahan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah, dijual di dalam negara atau tidak diakaunkan;
- (b) dalam hal orang diluluskan itu seorang pengilang:

- (i) pada tarikh bahan mentah, komponen, dan bahan bungkusan dan pembungkusan dilupuskan selain mengikut cara pemusnahan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah, atau digunakan selain bagi maksud pengilangan barang yang dikecualikan daripada cukai jualan, barang yang dijual di dalam negara atau barang yang tidak diakaunkan; atau
- (ii) pada tarikh barang dikilangkan yang dikecualikan daripada cukai jualan itu dilupuskan selain mengikut cara pemusnahan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah, dijual di dalam negara atau tidak diakaunkan; dan
- (c) dalam hal kelulusan orang diluluskan itu dibatalkan di bawah peraturan 26F, pada tarikh kelulusan itu dibatalkan.

(3) Amaun cukai jualan yang genap masa dan kena dibayar di bawah subperaturan (2) hendaklah dibayar kepada Ketua Pengarah tidak lewat daripada hari terakhir bulan berikutan bulan yang cukai jualan itu menjadi genap masa dan kena dibayar.”.

Dibuat 30 Jun 2020  
[Perb: MOF.TAX(S)700-1/2/26; PN(PU2)751/VI]

TENGGU DATO' SRI ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ  
*Menteri Kewangan*

SALES TAX ACT 2018

SALES TAX (AMENDMENT) REGULATIONS 2020

IN exercise of the powers conferred by section 106 of the Sales Tax Act 2018 [*Act 806*], the Minister makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Sales Tax (Amendment) Regulations 2020**.

(2) These Regulations come into operation on 1 July 2020.

**New Part IXA**

2. The Sales Tax Regulations 2018 [*P.U. (A) 203/2018*] are amended by inserting after Part IX the following part:

“PART IXA

APPROVED MAJOR EXPORTER SCHEME

**Interpretation**

**26A.** In this Part, “approved person” means any trader or manufacturer who is granted an approval by the Director General under the Approved Major Exporter Scheme under section 61A of the Act and a reference to “Scheme” is a reference to the Scheme.

**Application for approval**

**26B.** (1) Any person is eligible to make an application to the Director General to be approved under section 61A of the Act if the person satisfies the Director General—

(a) in the case where the person is a trader:

(i) that the person has been operating in Malaysia for at least one year;



(4) Any person who has been approved under subregulation (1) shall be subject to the following conditions:

- (a) the person shall declare any importation, transportation and exportation of goods in the prescribed form under the Customs Act 1967 or any document as determined by the Director General;
- (b) the person shall keep a complete and true record or accounts in relation to the goods that are imported, transported, purchased, exported and sold under the Scheme;
- (c) the person shall maintain accounting and internal control systems that are able to meet accounting and auditing standards;
- (d) the person shall notify by a notice in writing to the Director General of any change in the business particulars of the person within fourteen days after the occurrence of such change;
- (e) the person shall prepare a statement relating to the Scheme in such manner as determined by the Director General and submit such statement for inspection as required by a senior officer of sales tax at any time; and
- (f) any other conditions as the Director General deems fit to impose.

**Validity of approval**

26C. (1) An approval granted under the Scheme shall be valid for a period of two years or any period as determined by the Director General.

(2) An application for the renewal of the approval period may be made in such form and manner as determined by the Director General within thirty days before the expiry date of the approval.

(3) The Director General may refuse to renew an approval if the approved person fails to comply with any conditions prescribed in subregulation 26B(4).

**Exemption from payment of sales tax**

26D. (1) Any approved person is allowed to be exempted from the payment of sales tax on taxable goods that are imported or transported from a designated area or special area, or purchased or acquired from a registered manufacturer.

(2) The exemption under subparagraph (1) shall be subject to the following conditions:

(a) in the case where the approved person is a trader:

(i) that the taxable goods are directly imported or transported by the trader from a designated area or special area or purchased or acquired by the trader from a registered manufacturer;

(ii) that the taxable goods are not being used nor had any value-added process carried out on them;

(iii) that the taxable goods are subsequently exported or transported to a designated area or special area by the trader; and

(iv) that the taxable goods shall not be disposed of other than by way of destruction as approved by the Director General, not sold locally or not accounted for, unless the sales tax exempted on such taxable goods are paid to the Director General;

(b) in the case where the approved person is a manufacturer:

(i) that the raw materials, components, and packing and packaging materials are directly imported or transported by the manufacturer from a designated area or special area or purchased or acquired by the manufacturer from a registered manufacturer;

- (ii) that the raw materials, components, and packing and packaging materials shall be used directly and solely in the manufacture of the goods exempted from sales tax;
  - (iii) that the manufactured goods exempted from sales tax shall be exported or transported to a designated area or special area by the manufacturer;
  - (iv) that the raw materials, components, and packing and packaging materials shall not be disposed of other than by way of destruction as approved by the Director General, and not be used other than for the purpose of manufacturing goods exempted from sales tax, goods not sold locally or goods not accounted for, unless the sales tax exempted on such goods are paid to the Director General; and
  - (v) that the manufactured goods exempted from sales tax shall not be disposed of other than by way of destruction as approved by the Director General, not sold locally or not accounted for, unless the sales tax exempted on the raw materials, components, and packing and packaging materials used in the manufactured goods exempted from sales tax are paid to the Director General; or
- (c) in the case where the approved person is a trader and also a manufacturer:
- (i) that the approved person shall comply with the prescribed conditions for a trader in subparagraphs 2(a)(i) to (iv); and
  - (ii) that the approved person shall comply with the prescribed conditions for a manufacturer in subparagraphs 2(b)(i) to (v).

**Goods not eligible for exemption from payment of sales tax**

26E. The following goods shall not be eligible for exemption from payment of sales tax under regulation 26D:

- (a) wine, spirits, beer and malt liquor;
- (b) cigarettes, tobacco and tobacco products; and
- (c) petroleum.

**Variations, suspension and revocation of approval**

26F. (1) The Director General may, by notice in writing, vary the conditions of or suspend or revoke any approval granted under regulation 26B if the Director General is satisfied that the approved person—

- (a) has provided any false, misleading or inaccurate information in his application, or in the records, accounts or statements submitted by him;
- (b) has, at any time, ceased to fulfill any of the conditions for eligibility in subregulation 26B(1);
- (c) has failed to comply with any of the conditions prescribed in subregulation 26B (4); or
- (d) has failed to renew the approval period.

(2) The Director General may, by notice in writing, vary the conditions of or revoke any approval granted under regulation 26B upon request in writing by the approved person.

(3) Notwithstanding subregulations (1) and (2), the Director General may by notice in writing, vary the conditions of or revoke any approval granted under regulation 26B if the Director General deems it fit for the protection of revenue.

**Sales tax due and payable**

26G. (1) Where the approved person fails to comply with any of the prescribed conditions in subregulation 26D(2), the sales tax exempted to him shall be due and payable and shall be paid in such manner as determined by the Director General.

(2) The sales tax payable under subregulation (1) shall be due and payable as follows:

- (a) in the case where the approved person is a trader, on the date the taxable goods are disposed of other than by way of destruction as approved by the Director General, sold locally or not accounted for;
- (b) in the case where the approved person is a manufacturer:
  - (i) on the date the raw materials, components, and packing and packaging materials are disposed of other than by way of destruction as approved by the Director General, or used other than for the purpose of manufacturing goods exempted from sales tax, goods sold locally or goods not accounted for; or
  - (ii) on the date the manufactured goods exempted from sales tax are disposed of other than by way of destruction as approved by the Director General, sold locally or not accounted for; and
- (c) in the case where the approval of the approved person is revoked under regulation 26F, on the date the approval is revoked.

(3) The amount of sales tax due and payable under subregulation (2) shall be paid to the Director General not later than the last day of the month following the month on which the sales tax becomes due and payable.”.

Made 30 June 2020

[Perb: MOF.TAX(S)700-1/2/26; PN(PU2)751/VI]

TENGGU DATO' SRI ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ  
*Minister of Finance*